

Tumor tidak halang

**Azizah didik  
anak bangsa**



## Profil

**Nama penuh:** Azizah Yusof@

**Atan**

**Tarikh lahir:** 26 Ogos 1966

**Asal:** Felda Air Tawar Satu, Kota Tinggi, Johor

**Adik-beradik:** Anak sulung daripada lapan beradik

**Kerjaya:** Guru di Sekolah

**Menengah Kebangsaan (SMK)**

**Bukit Sentosa, Rawang**

**Akademik:**

**Ijazah Sarjana Muda Sains**

**Teknologi Makanan, Universiti Putra Malaysia**

**Kursus Perguruan Lulusan**

**Ijazah (KPLI) di Universiti**

**Teknologi Malaysia, Skudai**

**Suami:** Md. Anuar

**Mohd. Nor, 42**

**Anak-anak:**

● **Nurul Ain, 16, Maktab**

**Rendah Sains Mara**

**Pengkalan Chepa, Kelantan**

● **Nurul Amira, 14, SMK Bukit**

**Sentosa, Rawang**

● **Mohd. Alif Azri, 12, Sekolah**

**Kebangsaan (SK) Bukit**

**Beruntung**

● **Nurul Hayati, 10, Sekolah**

**Kebangsaan (SK) Bukit**

**Beruntung**

**Oleh ZUNAIDAH ZAINON**  
**Gambar MOHD. HATIM MAZLAN**

**T**ARIKH 16 Mei menjadi hari yang begitu istimewa kepada mereka yang bergelar pendidik. Namun, bagi Azizah Yusof@Atan, sambutan Hari Guru memberi makna berbeza kepada kehidupannya.

Wanita tabah berusia 43 tahun ini, tidak pernah patah semangat apatah lagi menangi kehidupannya setelah disahkan mengidap kanser Nasopharyngeal Carcinoma (hidung dan tekak) empat tahun lalu.

Namun, jiwanya kental pada dunia pendidikan. Tiada alasan atau rungutan baginya untuk terus menabur bakti kepada anak bangsa demi melihat mereka menjadi insan yang berguna kepada agama dan negara.

Malah, Azizah sentiasa mendapat sokongan padu daripada anak-anak murid dan keluarga yang amat menyayanginya. Itulah yang menjadi sumber kekuatannya dalam menjalani rutin harian.

Bagi Azizah, tatkala menatap wajah anak muridnya yang mulus dan suci, ia bagai meruntun jiwanya agar terus berkhidmat dalam dunia pendidikan.

“Saya lupa kepada kesakitan apabila menjejakkan kaki ke sekolah,” luah Azizah yang mewarisi

**Saya lupa kepada kesakitan apabila menjejakkan kaki ke sekolah**

semangat juang daripada bapanya, Yusof Abas, 64, seorang peneroka di Felda Air Tawar Satu, Kota Tinggi, Johor. Ibunya, Habsah Ismail meninggal dunia pada 2000.

Bak kata pepatah, guru umpama lilin yang membakar dirinya, begitulah juga dengan Azizah yang sanggup berkorban apa saja walaupun menyedari kesakitan yang ditanggungnya.

“Sumber kekuatan dalam diri saya bermula sejak saya memasuki Asrama Semai Bakti (ASB) Felda. Di sini saya belajar tentang erti ketabahan dan tidak mudah putus asa. Malah Prof. Madya Datuk Dr. Ahmad Faiz (Pengetua ASB Felda ketika itu) dan kini Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Utara Malaysia sentiasa memberi kata-kata semangat kepada kami anak-anak peneroka agar melakukan yang terbaik dalam apa jua bidang yang diceburi,” ujar guru Kimia ini.

Kata-kata motivasi amat perlu bagi membantu pelajar-pelajar



ASB Felda meneruskan persekolahan mereka di bandar. Ini kerana bukan mudah bagi pelajar luar bandar seperti Azizah, bersekolah di sekolah elit, SMK Convent Bukit Nanas yang sebahagian besar pelajarannya terdiri daripada golongan keluarga berpendapatan tinggi dan berkomunikasi dalam bahasa Inggeris.

Hingga saat ini, walaupun sudah lama meninggalkan ASB Felda, pesanan itu sentiasa tersemat di hatinya dan menjadi azimat berharga ketika dilanda dugaan paling hebat dalam hidupnya.

Azizah yang bercuti selama setahun untuk mendapatkan rawatan lanjut di Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Selayang, kini membantu suaminya menguruskan Pusat Tuisyen Visi Bijak di Bukit Sentosa, Rawang.

Ini kerana kesan daripada rawatan kemoterapi pada peringkat awal

menyebabkan beliau hanya mampu terbaring keletihan. Selain itu, Azizah juga merasai kesan sampingan yang lain seperti kurang air liur, kerosakan pada gigi, sukar hendak menelan dan kurang deria rasa.

“Di pusat tuisyen ini, saya hanya membantu dari segi pentadbiran sahaja. Kami mempunyai 33 guru dan 700 pelajar dari darjah satu hingga tingkatan lima. Semua guru tuisyen di sini adalah guru-guru sekolah,” kata Azizah.

Menurut beliau, Pusat Tuisyen Visi Bijak ini mula diusahakan suaminya sejak 2001 dan memberi tumpuan kepada pelajar bermula dari darjah satu sebagai persediaan awal menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah seterusnya Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia.

Pelajar yang berminat boleh menghubungi Md. Anuar di 019-2075424 atau 019-266178.



**ANTARA** pelajar yang menghadiri kelas tuisyen di Pusat Tuisyen Visi Bijak di Bukit Sentosa.



**SOKONGAN** padu dari suami, Md. Anuar Mohd. Nor dan anak-anak serta para pelajarnya menjadikan Azidah Yusof sentiasa ceria dan bersemangat.